



جدوال وقت سمبهينغ



DISEMBER 2022

JAMADILAWWAL 1444H - JAMADILAKHIR 1444H

جمادي الاول ١٤٤٤هـ - جمادي الاخر ١٤٤٤هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Khamis	1	7	5.59	7.41	11.55	1.37	3.58	5.35
Jumaat	2	8	6.00	7.42	11.55	1.37	3.58	5.35
Sabtu	3	9	6.02	7.44	11.55	1.37	3.57	5.34
Ahad	4	10	6.03	7.45	11.56	1.36	3.57	5.34
Isnin	5	11	6.04	7.46	11.56	1.36	3.56	5.33
Selasa	6	12	6.05	7.47	11.57	1.36	3.65	5.33
Rabu	7	13	6.07	7.49	11.57	1.36	3.55	5.32
Khamis	8	14	6.08	7.50	11.58	1.36	3.55	5.32
Jumaat	9	15	6.09	7.51	11.58	1.36	3.55	5.32
Sabtu	10	16	6.10	7.52	11.58	1.36	3.55	5.32
Ahad	11	17	6.11	7.53	11.59	1.36	3.55	5.32
Isnin	12	18	6.12	7.54	11.59	1.36	3.54	5.31
Selasa	13	19	6.13	7.55	12.00	1.36	3.54	5.31
Rabu	14	20	6.14	7.56	12.00	1.36	3.55	5.32
Khamis	15	21	6.15	7.57	12.01	1.36	3.55	5.32
Jumaat	16	22	6.17	7.58	12.01	1.36	3.55	5.32
Sabtu	17	23	6.17	7.58	12.02	1.37	3.55	5.32
Ahad	18	24	6.18	7.59	12.02	1.37	3.55	5.32
Isnin	19	25	6.19	8.00	12.03	1.37	3.56	5.33
Selasa	20	26	6.20	8.00	12.03	1.38	3.56	5.33
Rabu	21	27	6.21	8.01	12.04	1.38	3.57	5.34
Khamis	22	28	6.21	8.01	12.04	1.39	3.57	5.34
Jumaat	23	29	6.22	8.02	12.05	1.39	3.58	5.35
Sabtu	24	30	6.22	8.02	12.05	1.40	3.58	5.35
Ahad	25	1	6.22	8.02	12.06	1.41	3.59	5.36
Isnin	26	2	6.25	8.03	12.06	1.41	4.00	5.37
Selasa	27	3	6.25	8.03	12.07	1.42	4.00	5.37
Rabu	28	4	6.25	8.03	12.07	1.43	4.01	5.38
Khamis	29	5	6.26	8.03	12.08	1.44	4.02	5.39
Jumaat	30	6	6.26	8.03	12.08	1.44	4.03	5.40
Sabtu	31	7	6.26	8.03	12.09	1.45	4.04	5.41



Hari Krismas

(Hari Ahad 25 Disember 2022M bersamaan 1 Jamadilakhir 1444H)



Boxing Day

(Hari Isnin, 26 Disember 2022M bersamaan 02 Jamadilakhir 1444H)

Nasihah Untuk Kita Bersama

SEDEKAH AMALAN TERPUJI

Agama kita mengalakkan umatnya untuk sentiasa bersedekah. Membiasakan diri dengan bersedekah adalah kunci utama dipeluaskan rezeki oleh Allah SWT. Ini kerana semakin banyak wang, harta, ilmu ataupun khidmat yang disedekahkan maka akan bertambahlah rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita.

Sesungguhnya pahala dan keutamaan bersedekah itu sangat besar dan banyak. Ini jelas terbukti dengan banyaknya dalil dari Al-Qur'an dan hadis.

Rasulullah SAW bersabda:

Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga hal, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya.

(Hadis riwayat Muslim)

Bersedekah bukanlah suatu amalan yang boleh dipaksakan. Oleh itu, cukuplah kalau kita bersedekah dengan sesuatu yang mudah biarpun nilai atau kadarnya sedikit, bahkan jangan sekali-kali barang atau nilai yang sedikit itu menghalang kita untuk bersedekah. Ini kerana biarpun sedikit ia tetap bernilai disisi Allah SWT.

Sesungguhnya senyuman yang mengembirakan orang lain pun dianggap sebagai satu sedekah, menghalalkan atau melepaskan hutang adalah sedekah, setiap perkataan yang baik adalah sedekah, membuang sesuatu yang berbahaya dijalan adalah sedekah, setiap amalan dan perbuatan makruf juga adalah sedekah.

Inilah keuntungan bagi orang-orang yang bersedekah. Oleh itu, orang-orang yang enggan bersedekah, yang takut atau tidak mahu hartanya berkurang, mereka sebenarnya berada dalam kerugian yang bukan sedikit tetapi sangatlah besar. Ini kerana dengan bersedekah kita boleh menikmati ganjaran yang begitu banyak dengan mudah dan berlipat ganda dari apa yang telah kita keluarkan, maka rebutlah peluang keemasan ini. Sesungguhnya bersedekah itu umpama suatu pelaburan yang tidak akan mengalami kerugian walau sedikitpun, bahkan ia adalah sangat menguntungkan.

